



13 DEC, 2022

KSTI lancar Pusat Digital IoT Sandbox pertama di Sabah

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



KEMENTERIAN TEKNOLOGI, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Page 1 of 2

KSTI lancar Pusat Digital IoT Sandbox pertama di Sabah

Jadi platform untuk pereka, usahawan digital cipta produk, uji teknologi

KOTAKINABALU: Pelancaran Pusat Digital IoT Sandbox yang pertama di Sabah bakal menjadi satu platform untuk para inovator dan usahawan digital dalam menghasilkan produk.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Yakub Khan berkata, kementerian melancarkan pusat berkenaan membuka peluang kepada para pencipta produk untuk menguji kebolehlaksanaan teknologi dalam persekitaran sebenar yang selamat.

Selain itu katanya, mereka juga akan mendapat akses kepada bantuan dari segi guaman, kewangan, serta capaian pasaran.

“Inisiatif sandbox ini mendapat perhatian pelajar peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) dan pensyarah di University of Strathclyde Glasgow Scotland.

“Mereka berpendapat ini sebagai satu ‘inovasi terbuka’ yang patut dicontohi dan menjadi permulaan yang baik untuk kita.

“Inisiatif ini mendapat perhatian bukan saja di Sabah, tetapi di luar negara. Justeru, semua yang terlibat dapat berkolaboratif serta bergerak bersama dengan objektif yang betul dan selari untuk rakyat agar tidak ketinggalan dalam sektor teknologi dan inovasi,” katanya.

Beliau berkata demikian sempena majlis Perasmian Pusat Digital IoT Sandbox di sini semalam.

Sementara itu, Setiausaha Tetap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Zainudin Aman berkata, pelbagai program dan inisiatif



LAWAT: Yakub (tengah) melawat salah satu pameran di Pejabat Pusat IoT Sandbox di Wisma Bandaraya.

akan dilaksanakan dengan adanya Pusat Digital IoT Sandbox itu.

Katanya, beberapa entiti utama di Sabah seperti Pusat Inovasi dan Ekonomi Kreatif Sabah (SCENIC) dan Sabah Net akan berkolaboratif bersama rakan strategik untuk menggerakkan inisiatif-inisiatif selain menggalakkan lebih banyak inovasi dibawa dan diuji di dalam sandbox.

“Terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan pihak ‘National Technology and Innovation Sandbox’ (NTIS) iaitu bukan sahaja peluang pelaburan kepada inovator dan usahawan tetapi khidmat nasihat seperti nasihat guaman dan latihan keusahawa-

nan kepada mereka.

“Usaha mengembangkan inovasi memerlukan masa. Penubuhan pusat sandbox ini membantu mereka dalam menjalankan ujian kebolehlaksanaan teknologi masing-masing.

“Apabila melihat ekosistem kita secara keseluruhan, penggerak-penggeraknyasudah lengkap termasuk pihak kerajaan, swasta, universiti dan badan bukan kerajaan (NGO),” katanya.

Beliau berkata, apa yang perlu digerakkan secara konsisten dan kerap adalah pengisian program secara berterusan dan strategik kepada semua penggerak komuniti dan inovator.

Katanya, langkah itu bagi membolehkan pihak berkaitan untuk datang ke Pusat Sandbox bagi mencipta dan menguji lebih banyak inovasi peringkat akar umbi.

Sementara itu, Pengurus Besar SCENIC Viviantie Sarjuni berkata, pusat berkenaan akan bekerjasama rapat dengan Mranti dan KSTI bagi mendorong penghasilan teknologi yang berpotensi untuk diuji di Pusat Sandbox.

“Selain itu, SCENIC akan membantu mengawai program di pusat berkenaan bersama dengan rakan seperti Kinabalu Coders dan Sabah-Net untuk manfaat rakyat Sabah,” katanya.



13 DEC, 2022

KSTI lancar Pusat Digital IoT Sandbox pertama di Sabah

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Jadi platform untuk pereka, usahawan digital cipta produk, uji teknologi

KOTA KINABALU: Pelancaran Pusat Digital IoT Sandbox yang pertama di Sabah bakal menjadi satu platform untuk para inovator dan usahawan digital dalam menghasilkan produk. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Yakub Khan berkata, kementeriannya melancarkan pusat berkenaan membukap peluang kepada para pencipta produk untuk menguji kebolehlaksanaan teknologi dalam persekitaran sebenar yang selamat. Selain itu katanya, mereka juga akan mendapat akses kepada bantuan dari segi guaman, kewangan, serta capaian pasaran.